

07 NOV 1997

Guinea-Kejayaan

PROJEK PADI BUKTI KEJAYAAN KERJASAMA SELATAN-SELATAN

Oleh: Mohamad Nasir Yusoff

CONAKRY, 7 Nov (Bernama) -- Kejayaan projek ladang dan kilang mengisar padi oleh Padi Beras Nasional Berhad (Bernas) bernilai US\$10 juta (RM30.3 juta) di Guinea adalah bukti jelas komitmen Malaysia dalam kerjasama Selatan-Selatan.

Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud berkata, tuaian pertama pada purata 3.5 tan metrik setiap hektar daripada 800 hektar ladang padi di Monchon, 200 km daripada ibu negeri ini, membuktikan perkara itu.

"Mungkin jumlahnya kecil, tetapi memberi makna yang besar dari segi kerjasama Selatan-selatan yang diyakini penuh oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya kepada pemberita selepas merasmikan tuaian pertama itu bersama-sama Presiden Guinea Lansana Conte hari ini.

Sulaiman berkata, projek itu merupakan langkah pertama yang amat penting dan boleh menyediakan asas bagi Malaysia untuk memperluaskan bantuannya kepada Guinea dalam bidang-bidang lain.

Katanya, kejayaan itu yang dicapai dalam tempoh setahun dari tarikh perjanjian kerjasama ditandatangani (Nov 7, 1996) antara Malaysia dan Guinea dapat dijayakan menerusi komitmen penuh kedua-dua kerajaan.

Sulaiman berkata, Bernas menerusi rakan kongsi tempatannya, Societe Bernas De Guinee (Sobergui), telah mewujudkan kira-kira 300 peluang pekerjaan untuk masyarakat tempatan yang dihasilkan menerusi perpindahan teknologi daripada 30 kakitangan Malaysia.

"Untuk menggerakkan orang ramai dan peralatan bagi menyediakan ladang, menyempurnakan dan menjaga tanaman seluas 800 hektar dan menyiapkan kilang kisar yang moden dalam jangka waktu beberapa bulan bukan perkara mudah, walaupun jika dibandingkan dengan standard di Malaysia," katanya semasa mengucapkan tahniah kepada kakitangan Malaysia itu.

Katanya, Bernas akan memperluaskan kehadirannya di Guinea dengan melaksanakan penanaman di kesemua 1,800 hektar tanah yang diperuntukkan oleh kerajaan Guinea pada fasa kedua dengan kapasiti operasi pengisaran padi bersepadu sebanyak dua tan sejam.

Sulaiman juga mengingatkan Bernas dan Sobergui agar mengagihkan sebahagian keuntungan yang mereka perolehi daripada kerjasama itu kepada penduduk tempatan sebagai memenuhi tanggungjawab sosial, misalnya dengan mendirikan projek infrastruktur seperti sekolah dan klinik.

"Perkara itu juga akan lebih memperkukuhkan kerjasama Selatan-selatan yang mendapat sokongan kuat Perdana Menteri kita," katanya.

Sulaiman berkata, kejayaan projek yang dilaksanakan Sobergui telah meyakinkan beliau untuk mencadangkan kepada kerajaan dan agensi lain seperti Felda untuk datang ke sini dan mengkaji kemungkinan menanam sawit di Guinea.

Katanya, tanah subur di republik itu mungkin sesuai dengan tanaman sawit berdasarkan kemampuan teknologi dan kepakaran Malaysia dalam bidang itu.

Sementara itu, Pengerusi Bernas Ruhanie Ahmad berkata projek ladang dan kilang mengisar padi itu telah menarik minat negara-negara Afrika lain yang telah menghubungi beliau.

Yang turut hadir pada majlis menuai itu ialah Duta Malaysia ke Guinea Sofian Ahmad, Pengarah Urusan Bernas Mohd Ibrahim Nor dan beberapa menteri Guinea. -- BERNAMA

MNY RHM NMO